

Headline	Malaysia komited pelihara hutan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Feb 2018	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	4	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	238 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,704
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,112



AHMAD ZAHID HAMIDI menandatangani plak perasmian FRIM Inc. sambil diperhatikan Wan Junaidi Tuanku Jaafar di Kepong, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/HAFIZ JOHARI

Malaysia komited pelihara hutan

KUALA LUMPUR 2 Feb. - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi menegaskan, Malaysia komited untuk memelihara alam sekitar walaupun Kesatuan Eropah (EU) menuduh negara ini aktif menggondolkan hutan untuk tujuan pertanian.

Sebagai buktinya Ahmad Zahid berkata, mengikut data terkini sebanyak 51.4 peratus kawasan masih dilitupi hutan dan jumlah itu termasuk kawasan penanaman semula spesies-spesies tumbuhan yang hampir pupus di negara ini.

"Negara kita sering dituduh oleh masyarakat antarabangsa terutamanya EU kononnya kita menebang habis hutan dan dituduh sebagai punca berlakunya perubahan iklim serta pemanasan global.

"Sedangkan negara-negara yang menuduh kita lebih awal menggondolkan hutan dan bila berlakunya pemanasan global, mereka menuding jari dan meletakkan kesalahan tersebut kepada negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan anak syarikat Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), FRIM Incorporated (FRIM Inc.) di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tu-

anku Jaafar; Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azizan Ahmad dan Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod.

Terdahulu dalam majlis tersebut, Azizan mengumumkan spesies tumbuhan bukit batu kapur yang dinamakan sempena Ahmad Zahid iaitu *Gymnostachyum ahmadzahidiana*, manakala *Impatiens feonajunaidiana* pula dinamakan sempena nama Wan Junaidi.

Kesatuan Eropah baru-baru ini mengusulkan satu resolusi untuk menghalang penggunaan bahan api bio berasaskan sawit kerana pembangunan tanaman itu dikatakan dilakukan secara tidak mampan dan mencemarkan alam sekitar.

Dalam pada itu Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri mengingatkan FRIM Inc. agar memberi tumpuan kepada perniagaan teras berasaskan kepada hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta mengembangkan hasil produk ke luar negara.

Ahmad Zahid berkata, ini kerana beliau tidak mahu FRIM Inc. kehilangan fokus seperti organisasi lain yang memberikan tumpuan kepada pembelian aset termasuk di luar negara bagi tujuan mengembangkan perniagaan.